

Soalan No: 53

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK JOSEPH SALANG GANDUM [JULAU ]**

**TARIKH : 22.3.2018 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

Datuk Joseph Salang Gandum [ Julau ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status penggabungan sekolah-sekolah kurang murid.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan Pelan Hala Tuju Sekolah Kurang Murid (SKM) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sehingga kini adalah berdasarkan kriteria utama penggabungan iaitu sekolah sama aliran dan tidak menimbulkan implikasi penambahan bilik darjah atau perjawatan. SKM yang terlibat tidak akan ditutup atau murid tidak akan disuraikan sehingga mendapat persetujuan ibu bapa dan masyarakat setempat. Sehingga kini, sebanyak lima (5) buah sekolah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah dilaksanakan tindakan penggabungan iaitu;

- i. SK Jalan Pasar 1 sebagai sekolah induk digabungkan dengan SK Jalan Pasar 2 dan SK (L) Jln Pasar 2; dan
- ii. SK Dato Abu Bakar sebagai sekolah induk digabungkan dengan SK (L) Jalan Pasar 1.